

15/06/2004

Pemuda Kelantan syor Mustapa tanding Naib Presiden

KOTA BHARU: Pergerakan Pemuda Umno Kelantan berpendapat sudah tiba masa pemimpin kanan dan tertinggi dalam barisan kepimpinan Umno negeri ini bertanding bagi jawatan Naib Presiden pada pemilihan parti September ini.

Sehubungan itu, Pemuda Kelantan mengesyorkan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Mustapa Mohamed menawarkan diri bertanding jawatan itu.

Ketuanya, Mohd Rujhan Salleh, berkata Pemuda Kelantan sudah membuat keputusan pada mesyuarat Badan Perhubungan pergerakan itu kelmarin di pejabat Umno negeri dan bersetuju Mustapa bertanding bagi jawatan itu.

Beliau berkata, Mustapa layak bertanding merebut jawatan nombor tiga tertinggi dalam Umno itu berdasarkan kepemimpinannya yang ditunjukkan termasuk pada peringkat Pusat.

Katanya, Mustapa juga seorang pemimpin kuat bekerja dan penuh komitmen kepada parti dan pernah diberi kepercayaan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Ketua Penerangan Umno kira-kira tiga tahun lalu, sekali gus menjadikan beliau anggota Biro Politik Umno Pusat.

Selain itu, katanya, keupayaan beliau membawa perubahan kepada perpaduan Umno Kelantan sehingga Barisan Nasional (BN) mencatatkan kejayaan besar apabila memenangi 21 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) daripada 45 kerusi DUN dan lapan kerusi Parlimen daripada 14 kerusi itu yang dipertandingkan pada pilihan raya umum lalu di negeri ini.

"Berdasarkan beberapa faktor inilah, Mustapa layak dan perlu menawarkan diri bertanding bagi jawatan Naib Presiden.

"Jadi, mesyuarat Badan Perhubungan Pemuda Kelantan bersetuju sebulat suara mengesyorkan Mustapa yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) menawarkan diri bertanding bagi jawatan Naib Presiden," katanya ketika dihubungi, semalam.

Setakat ini, hanya Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Zaid Ibrahim dilaporkan pernah menawarkan diri untuk bertanding bagi jawatan Naib Presiden kira-kira dua bulan lalu.

Bagaimanapun, difahamkan Mustapa akan mengumumkan keputusan sama ada bersedia bertanding jawatan Naib Presiden atau sebaliknya, selain mempertahankan kedudukannya sekarang sebagai ahli Majlis Tertinggi (MT) dalam tempoh 10 hari lagi.

Ketika ini antara nama disebut akan bertanding jawatan Naib Presiden ialah Ketua Menteri Melaka, Datuk Mohd Ali Rustam dan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Mohd Isa Samad.

Dalam perkembangan berkaitan, Rujhan berkata, Pemuda Kelantan juga sebulat suara bersetuju mencalonkan semula Menteri Pelajaran, Datuk Hishammuddin Hussein untuk terus menerajui pergerakan itu sebagai Ketua Pergerakan Pemuda.

"Pemuda Kelantan adalah negeri paling awal membuat ketetapan menyokong Hishammuddin yang ingin mempertahankan jawatan itu," katanya.

Katanya, bagi jawatan Naib Ketua Pemuda, Pemuda Kelantan akan memberi sokongan kepada Exco Pemuda, Khairy Jamaluddin.

(END)